



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

**KEMUDAHAN POTONGAN GAJI:**

**MENGEKALKAN PENDAPATAN BERSIH  
PEGAWAI AWAM SEKURANG-KURANGNYA  
PADA PARAS MINIMUM 40%**

**TARIKH KEMASKINI:**

**8 SEPTEMBER 2021**

## KANDUNGAN

1. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KETERHUTANGAN KEWANGAN SERIUS PEGAWAI AWAM? ..... 1
2. APAKAH PERATURAN DAN PEKELILING YANG BERKUAT KUASA BERKAITAN TANGGUNGJAWAB PENDAPATAN BERSIH PEGAWAI AWAM PERLU BERBAKI SEKURANG-KURANGNYA 40%? ..... 1
3. APAKAH FORMULA PENGIRAAN POTONGAN SEHINGGA 60%? ..... 2
4. SAYA MEMPUNYAI POTONGAN MELEBIHI 60%, KEUTAMAAN POTONGAN YANG MANAKAH YANG AKAN DIAMBIL KIRA? ..... 3

## **1. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KETERHUTANGAN KEWANGAN SERIUS PEGAWAI AWAM?**

Merujuk kepada Peraturan 13 (7), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) ungkapan 'keterhutangan kewangan yang serius' bermaksud keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

## **2. APAKAH PERATURAN DAN PEKELILING YANG BERKUAT KUASA BERKAITAN TANGGUNGJAWAB PENDAPATAN BERSIH PEGAWAI AWAM PERLU BERBAKI SEKURANG-KURANGNYA 40%?**

Kerajaan Telah Bersetuju Supaya Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) menguat kuasakan peraturan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh JPA Dan Kementerian Kewangan mengenai had potongan maksimum bagi memastikan pendapatan bersih penjawat awam berbaki sekurang-kurangnya 40% daripada gaji bulanan seperti berikut:

### **2.1 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA(S)TT.7082 Jld.6 (35) bertarikh 25 Disember 2005**

Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Wang Dan Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius Ke Atas Pegawai Awam dan semua Ketua Setiausaha Kementerian membuat pemantauan berterusan ke atas pendapatan bersih Pegawai Awam bagi memastikan Penjawat Awam mempunyai had pendapatan bersih minima 40% supaya Penjawat Awam tidak berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

### **2.2 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.BK(S)328/2 Jld.13(9) bertarikh 24 Januari 2017**

Pemantauan Ke Atas Pegawai Yang Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius. Ketua-ketua Jabatan memantau pemotongan gaji pegawai masing-masing dengan tidak meluluskan pemotongan sekiranya akan mengakibatkan Pegawai Awam menerima pendapatan bersih kurang daripada 40% dan mengambil tindakan tatatertib ke atas Pegawai Awam yang didapati melakukan penipuan yang boleh menyebabkan Penjawat Awam mengalami masalah keberhutangan serius misalnya dengan memalsukan penyata gaji untuk mendapatkan pinjaman.

- 2.3 Penguatkuasaan kawalan pemantauan dilaksanakan melalui penetapan takat 60% daripada emolumen bulanan pegawai melalui Pekeliling Perbendaharaan seperti berikut:
- 2.3.1 WP9.1 : Peraturan-Peraturan Dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar (Smartphones) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.
  - 2.3.2 WP9.2 : Skim Pinjaman Kenderaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis.
  - 2.3.3 WP9.3 : Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dan Pegawai Perkhidmatan Pasukan Polis.
- 2.4 Peraturan 13(9) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) memperuntukan pegawai boleh berhutang bagi maksud pinjaman pendidikan selagi pegawai tidak diisytiharkan bankrap dan surat edaran JPA rujukan JPA.BK(S)328/2Jld.15(30) bertarikh 30 November 2017 memberikan pengecualian kepada perkiraan takat 60% bagi maksud Pinjaman Perumahan.
- 2.5 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan.

### 3. APAKAH FORMULA PENGIRAAN POTONGAN SEHINGGA 60%?

$$\frac{\text{Jumlah Potongan}}{\text{(Gaji Pokok + Elaun Tetap)}} \times 100$$

Contoh:  $\frac{\text{RM 4,048.61}}{\text{RM 6,981.65}} \times 100 = 57.99\%$

Peratusan telah dinyatakan dalam Penyata Emolumen Bulanan pegawai awam

**4. SAYA MEMPUNYAI POTONGAN MELEBIHI 60%, KEUTAMAAN POTONGAN YANG MANAKAH YANG AKAN DIAMBIL KIRA?**

Keutamaan potongan dibuat secara automatik di dalam Sistem Gaji Berkomputer JANM. Susunan keutamaan potongan adalah seperti berikut:

- 4.1 Potongan Berkaitan Perundangan (Contoh: Cukai/ Zakat/ Arahan Mahkamah);
- 4.2 Potongan Berkaitan Kerajaan (Contoh: Bayaran Balik/ Perumahan/ Kenderaan);
- 4.3 Takaful/ Insurans;
- 4.4 Kelab Jabatan Kerajaan;
- 4.5 Pinjaman;
- 4.6 Persatuan/ Pertubuhan; dan
- 4.7 Simpanan/ Derma/ Sumbangan

**DISEDIAKAN OLEH:**

UNIT PERAKAUNAN STRATEGIK  
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Tarikh kemaskini: 8 September 2021